



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21/5/2021	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



KAYU balak yang disyaki dicuri dan tiada permit disita dalam operasi di sebuah kilang papan di Temerloh pada Ahad lalu.

Taktik kilang papan sembunyi balak curi

TEMERLOH – Taktik sebuah kilang papan yang menghentikan operasi kononnya untuk menyembunyikan kayu balak curi yang terdapat di premis berkenaan tidak berhasil apabila kawasan itu diserbu pihak berkuasa di sini Ahad lalu.

Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan Zon Pahang Timur Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Muhammad Firdaus Abdul Kadir berkata, dalam operasi berkenaan, pihaknya menemukan empat batang balak termasuk sembilan ikat kayu bergergaji spesies jelutong dan merbau pelbagai saiz yang tidak mempunyai permit.

“Pemeriksaan pas memindah dan buku rekod kemasukan balak ke kilang berkenaan mendapati tidak terdapat senarai kayu jenis jelutong dan merbau dibawa masuk secara sah ke kilang berkenaan.

“Tindakan tegas telah dikenakan dengan menyita tiga longgok kayu bergergaji termasuk dua unit mesin yang digunakan untuk melakukan kerja

membelah kayu terbabit,” katanya di sini semalam.

Menurut Muhammad Firdaus, pihaknya tidak menemukan sebarang kesan tukul tanda hasil atau tukul pengelasan yang ditanda pada permukaan kayu jelutong yang disita.

Katanya, berdasarkan siasatan awal turut mendapati kesemua kayu yang bernilai lebih RM50,000 itu adalah untuk pasaran tempatan.

“Kita masih siasat dan mengenal pasti lokasi balak berkenaan diambil,” jelasnya.

Dalam pada itu beliau berkata, pihaknya akan meneruskan operasi dan bertindak tegas dalam memastikan semua kilang papan di negeri ini tidak membeli kayu-kayu yang dicuri dan mengikut peraturan ditetapkan.

“Pemilik kilang papan jangan fikir boleh terlepas, sekiranya terbukti bersalah mereka akan dikenakan kompaun mengikut Enakmen Industri Berasas Kayu 1985 dan balak dan kayu bergergaji serta kilang akan disita,” katanya.